

**KEHIDUPAN BESAR ABADI -Thiru ARUTPA
SAMI SIDAMBARAM RAMALINGAM**



Penterjemah: Dr. Arumugam Raman

Pada bulan Disember 1873, tidak lama sebelum menghilang, Ramalingam meletakkan pelita di hadapan pengikutnya dan berkata:

1. Saya akan menutup pintu bilik saya. Percayalah bahawa Tuhan kini di dalam nyalaan api pelita. Oleh itu sembahlah nyalaan lampu ini tanpa membuang masa. Bertafakur di hadapan nyalaan dengan mengingati 28 puisi yang saya sebutkan yang bermula dengan perkataan "manusia di dunia ini" (di bawah).
2. "Saya sekarang dalam bentuk badan ini. Mulai sekarang, saya akan bersatu ke dalam semua makhluk hidup. "

Puisi disusun dalam "Thiruarutpa" Bab 6C, Bahagian 34, bertajuk "Kehidupan besar abadi".

Berikut adalah 28 puisi untuk kajian dan meditasi:

1.

Oh manusia di dunia ini, datang ke sini!
Kita akan berfikir secara mendalam tentang rahmat dan
cinta kepada yang Maha Esa
Kami harus sujud menyembah dan memuji kemuliaan-Nya dengan air mata.
Dia lah Tuhan yang berhak disembah
Jika kita memuji dan menyembah Nya, kita peroleh kehidupan abadi.
Kata-kata saya bukanlah pembohongan dan tidak tokok tambah.
Aku berkata hanya kebenaran.
Masa sudah tiba untuk kita masuk ke jalan yang sempit dan
mencapai kuil emas yang berada dalam dahi kita.

2.

Oh kawan-kawan saya! Sila sedari bahawa ini adalah
masa untuk masuk ke dalam jalan yang sempit.
Jangan berfikir bahawa Aku mengatakan sesuatu yang dusta.
Apabila kematian datang kepada anda, isteri anda, anak-anak,
ibu bapa dan rakan-rakan yang diabdikan kepada anda
serta emas, wang, rumah, tanah, kebun dan lain-lain
anda miliki, tidak boleh menghentikan kematian anda...
Tetapi Roh Suci adalah begitu manis, penyayang,
berbentuk maya yang tidak ternilai dan selama-lamanya yang Maha Esa

3.

Oh manusia di dunia ini! anda pastikan
mata dan minda anda ditutup dan berfikir mendalam
Bahawa yang Maha Esa dari syurga itu duduk sebagai
Roh Suci di dalam dahi kita;
Bahawa dia akan muncul ketika melakukan meditasi dan membantu untuk
Menyedarkan kebenaran diri iaitu, melihat Roh halus;
Bahawa Roh halus adalah hakikat yang benar
Dan wujud dalam seluruh umat manusia
Dan yang mengetahui kebenaran ini ditakrifkan sebagai Sanmargam.
Jika anda mengikuti jalan ini, anda akan melihat keajaiban.

4.

Semua yang anda telah lihat dalam dunia ini adalah tidak kekal
Semua yang anda telah mendengar daripada pendidik palsu dan membaca
dari pelbagai buku adalah tidak berfaedah
Apa yang anda makan dan minum adalah tidak berguna.
Setakat ini yang anda tidak memahami kebenaran.
Saya menjemput anda untuk datang ke jalan yang benar
Persatuan Roh Suci manusia (SANMARGAM)
Dan memahami Roh Suci di dalam dahi anda
untuk mendapatkan rahmat Maha Kuasa dan keselamatan.

5.

Anda boleh memiliki kegembiraan seperti yang ada di Syurga dan
berkat makhluk syurgawi
Dan juga mencapai 8 kuasa mistik, hanya apabila anda mengikuti
jalan sebenar Persatuan Roh Suci
manusia (SANMAARGAM).
Roh suci anda akan memperoleh warna keemasan.
Jika anda memuji Roh Suci melalui meditasi,
anda boleh mengelakkan kelahiran semula.

6.

Oh manusia di dunia ini! Yang Maha Esa telah memaafkan dosa-dosa saya
Dia menghadiahkan madu dan kegembiraan tabii syurga;
Bahawa Maha Esa Maha Penyayang pengasih adalah dalam dahi kita
dalam bentuk api di tengah-tengah roda moral.
Mari kita masuk ke jalan yang sempit di mana
Beliau duduk untuk mendapatkan kehidupan abadi.
Ini adalah waktu yang paling sesuai untuk berbuat demikian
Pantas datang ke sini (kepada saya).

7.

Adakah anda seorang asing kepada saya?
Bukankah saya saudara yang rapat dengan anda?
Kata-kata saya akan sentiasa untuk kebajikan anda
Dan tidak akan mendatangkan mudarat kepada anda.
Dewa tertinggi telah memberikan perlindungan dan juga
madu Ilahi kepada saya.
Seterusnya, Dia mengangkat aku ke jalan yang sempit
Dan menjadikan aku mempunyai kebahagiaan ilahi.
Masa untuk muncul sebagai manusia, untuk melakukan mukjizat
Tiba dalam masa terdekat.
Ini adalah masa yang terbaik untuk mendapatkan rahmat
daripada-Nya berdasarkan keinginan anda.

8.

Oh manusia di dunia ini! Cepat; cepat datang ke sini.
Jangan meragui kata-kata saya.
Aku mengatakan kebenaran sahaja.
Ini adalah masa untuk kedatangan Tuhan yang Maha Esa
Untuk melakukan mukjizat dengan bangunkan semua orang-orang yang meninggal dunia
Jika anda memikirkan-Nya sepenuh hati dan
sujud dengan air mata, anda boleh mendapatkan rahmat-Nya.

9.

Ini adalah masa kedatangan Tuhan yang penuh dengan Nur (Cahaya)
Untuk melakukan mukjizat yang kekal di sini.
Ini adalah masa untuk membangunkan orang mati.
Jangan berfikir bahawa kita ada banyak masa lagi
Saya tidak berbohong.
Saya tahu dengan jelas tanpa sedikit pun kemusykilan bahawa
Bapa yang Agung akan datang kini.
Sebab itulah, saya mengumumkan ini dengan suara yang kuat.
Rakan-rakan sekalian, jika anda berhasrat untuk mendapatkan rahmat
dari Bapa-Ku, datang ke sini dengan segera.

10.

Tuhan cahaya anggun hebat,
yang wujud dalam bentuk Bapa dan Ibu telah memberikan
perlindungan kepada saya dan memenuhi segala keinginan saya,
akan datang hari ini dan melakukan mukjizat di sini.
Beliau, yang mempunyai semua lima kuasa mistik penciptaan,
perlindungan, pemusnahan, penyembunyian dan keanggunan
Telah bersatu dalam Roh Halus saya.
Jangan keliru bahawa Aku mengatakan perkara yang salah.
Jika anda berhasrat untuk mendapatkan kehidupan abadi di ketiga-tiga alam
masa, (iaitu masa lalu, masa kini dan masa depan,)
anda datang ke sini dengan cepat

11.

Oh manusia di dunia ini! Ini adalah masa
kedatangan Bapa-Ku yang cahaya anggun hebat,
yang telah memberikan madu ilahi dan
menunjukkan penglihatan ghaib (visi) dari langit kepada saya.
Anda juga boleh mendapatkan rahmat-Nya dan kebahagiaan ilahi seperti saya.
Aku menyatakan semua ini untuk anda dengan tujuan supaya
anda juga perlu mendapat semua kelebihan seperti saya
Dan berdiri setaraf dengan saya.
Tidak membiarkan fikiran anda berayun atau melayang
Keluar dari sumur yang diliputi dengan gangguan agama
Dan masuk ke jalan SANMARGAM (Persatuan Roh Suci manusia)
untuk mencapai kebebasan abadi.

12.

Oh manusia di dunia ini!
Anda dengan jelas memahami bahawa Roh Suci
manusia yang akti dalam dahi kita
adalah dalam bentuk Tuhan yang unik yang tidak miliki sebarang bentuk
Dan oleh itu tidak ada perbezaan sama sekali
antara sesama manusia
Saya mendedahkan fakta ini atas nama SANMARGAM
Saya menjemput anda semua untuk datang dan menyertai saya di sini.
Maha Esa yang maha besar telah memberikan madu ilahi serta
beberapa kuasa mistik.
Beliau akan tiba di sini kini dalam bentuk rahmat yang besar.
Anda jangan berkeliaran dalam jalan kegelapan.
Saya mendedahkan fakta-fakta ini dengan fikiran yang jelas dan tegas.

13.

Oh manusia di dunia ini!
Saya mengajak anda dengan kata-kata yang benar untuk datang ke sini dan menyertai saya.
Jangan berfikir rendah terhadap saya dang bingung
kerana meragui kata-kata saya.
Anda memahami bahawa yang Maha Esa yang tertinggi yang menguasai
penciptaan, dan lain-lain kuasa bertempat dalam
badan saya dan memaklumkan kata-kata ini.
Datang segera ke SANMARGAM Suci (Persatuan Roh Suci manusia).
Inilah masa ketibaan Maha Esa yang maha pemurah dan
Tuhan yang unik.

14.

Oh manusia di dunia ini!
Anda menumpukan fikiran anda pada yang Maha Esa yang unik,
Siapakah Bapa-Ku, Ibu dan kuasa Agung dalam Syurga
Semua wali memuji beliau sebagai madu manis maha penyayang.
Beliau duduk di jalan yang sempit yang berada dalamdahi kita.
Saya berjanji dengan sesungguhnya
bahawa anda akan mendapat hidup yang kekal dan kuasa mistik.

15.

Oh manusia di dunia ini!
Walaupun anda belajar dengan penuh ikhlas
Vedantha dan Siddhantha,
Roh Suci yang duduk di jalan yang sempit di dahi anda,
tidak dapat dilihat, Anda jitu berfikir dalam minda anda Roh Suci yang
Ada dalam bentuk yang kekal mulia raja dari langit,
duduk dalam dahi kita dan mengaktifkan badan kita.
Anda memuji Maha Esa yang unik tanpa menyalahgunakan kata-kata saya.
Sila percaya bahawa Dia telah memberi kuasa mistik kepada saya dan
juga duduk dalam Roh suci saya.

16.

Oh manusia di dunia ini!
Beliau ada dalam fikiran mereka yang tidak menyalahgunakan Nya.
Beliau telah menunjukkan aku semua visi syurga.
Beliau adalah pendidik saya; Dia adalah Bapa dan Ibu saya;
Beliau adalah anak mata saya; Beliau adalah jiwaku;
Beliau adalah Roh Suci saya; Beliau adalah madu ilahi dan
Dialah Maha Esa yang Agung mencipta dan lain-lain perbuatan mistik.
Jika anda ingin menghilangkan dosa-dosa masa lalu anda,
Anda mendekatinya dengan melakukan meditasi selepas beralah
keangkuhan dan sifat jahat lain.

17.

Semua upacara keagamaan tanpa mengambil apa-apa tindakan untuk
memasuki ke jalan yang sempit, di mana
Roh Suci duduk, adalah tidak berfaedah dan harus diberhentikan
Ini adalah masa untuk kedatangan Tuhan Agung untuk
memasuki jalan Sanmargam (Persatuan Roh Suci manusia) di dunia
Dan untuk membangun semua orang mati.
Anda boleh melihat orang mati yang keluar seolah-olah
mereka telah terjaga daripada tidur.

18.

Oh manusia di dunia ini!
Anda tersekat dalam kitaran kelahiran dan kematian tanpa mengetahui
kebahagiaan ilahi, Anda tahu cara-cara menipu, tetapi tidak
mengetahui cara untuk menyelamatkan diri
Anda tidak tahu Roh Suci yang dalam anda, dahi dan yang Maha Esa di langit.
Apa yang anda fikirkan tentang masa depan anda?
Apa yang anda akan lakukan apabila datangnya kematian?
Di mana anda akan pergi? Malangnya!
Anda boleh mendapatkan kehidupan abadi hanya jika anda lihat
Roh Suci dengan melakukan meditasi.
Adakah anda tidak tahu bahawa saya adalah anak Tuhan yang Maha Esa yang berkuasa?
Jadi, anda datanglah kepada saya.

19.

Oh sanak saudara dan kawan-kawan saya!
Anda percaya bahawa semua kata-kata adalah kata-kata dari Maha Esa.
Ini adalah masa yang terbaik kehadiran Tuhan yang Agung
duduk sebagai Roh Suci di dalam dahi kita.
Jika anda menunggu ketibaan beliau, anda boleh mendapatkan rahmatnya yang cukup berhikmah.
Saya menunggu-Nya dengan hati manis.
Jika anda memahami saya bahawa saya adalah orang yang berkata benar dan mengikut Aku,
anda boleh mendapatkan banyak kuasa mistik.
Adakah anda tahu mengapa saya menjemput anda semua?
Ia adalah kerana niat saya semua harus mendapatkan
kebahagiaan ilahi seperti saya.

20.

Oh manusia di dunia ini!
Anda teragak-agak untuk mendengar kata-kata-Ku oleh sebab
Fikiran anda adalah seperti fikiran monyet
Anda jangan fikir kata-kata saya sebagai palsu
Anda datang ke sini tanpa sebarang kebingungan.
Saya tidak memerlukan apa-apa daripada anda.
Saya meminta anda untuk tidak tenggelam dalam versi pelbagai agama
yang tidak berasas
Anda faham dengan pengalaman bahawa Yang Maha Esa sendiri wujud dalam bentuk Roh Suci
(Roda Moral roda dengan api di tengah-tengah) dan bertempat dalam dahi.
Jika anda benar-benar memuji-Nya anda boleh mendapatkan
kuasa mistik hari ini juga

21.

Keluarlah daripada aktiviti keagamaan anda
Dan seratilah bersama-sama SAMARASA SANMARGAM (Persatuan Roh Suci manusia) untuk
mendapatkan kuasa mistik,
Anda hanya tahu makan dan tidur,
Tetapi tidak tahu cara pantas,
yang di mana disarankan oleh para wali
Malangnya! Apabila datang kematian,
badan ini tidak boleh bertahan
walaupun selama satu saat,
Jika anda melihat Roh Suci dengan melakukan meditasi,
anda boleh mengelakkan kematian.

22.

Yang Maha Esa yang adalah dalam bentuk
Roh halus akan mengampuni semua kesalahan kita melalui
keanggunan cahaya yang tidak terhingga
Saya maklumkan kebenaran ini tanpa sedikit pun yang salah.
Aku hanya mengatakan kebenaran untuk menyucikan kelahiran anda.
Jadi, anda memikirkannya dengan hati yang benar dan menyertai dalam
Samarasa Sanmargam (Persatuan Roh Suci manusia).
Oh manusia di dunia ini!
Walaupun anda marah dengan kata-kata kesat, saya anggap ia seperti
rahmat dan saya tidak akan berasa bersalah
Saya telah walaupun ada orang yang pernah mencemarkan watak saya

23.

Oh orang berfikiran bingung! Kebahagiaan duniawi tidak kekal.
Saya tidak perlu mengatakan yang ini sebagai sesuatu yang baru,
kerana anda mengalami ini, perkara ini dalam rutin harian.
Saya memberitahu anda bahawa adalah tidak adil untuk mati dalam dunia gelap penuh berdosa.
Anda datang ke sini untuk mendapatkan kehidupan abadi.
Anda bawalah diri anda menyertai dalam SUDDHA SIVA
SANMARGAM (Persatuan Roh Suci manusia) supaya
dapat minum madu yang bertempat di dahi anda.
Anda akan mendapat semua permintaan (boons) yang anda inginkan dari
Tuhan yang pemurah dan penyayang.
Tiada seorang pun yang menghalang anda, tetapi beberapa orang mungkin menyertai anda.

24.

Jika anda menangguhkan lawatan anda ke tempat ini walaupun untuk
tempoh yang singkat,
Anda mungkin berhadapan dengan kematian yang buruk
Malangnya! Kematian yang tidak dapat dielakkan dalam apa-apa cara.
Tiada apa-apa dalam dunia boleh mencegah kematian selain daripada
mereka yang telah menyertai SAMARASA SANMARGA Sangam (Persatuan Roh Suci manusia)
dan memahami muslihat untuk mengatasi kematian.
Jika anda mengikuti kata-kata benar saya dan memegang pada
Kuasa Agung yang bertempat dalam dahi anda,
anda boleh mempunyai kehidupan abadi.

25.

Oh manusia di dunia ini!
Apabila kamu meraung pada masa mambawa
mayat ke tanah perkuburan, Anda sudah lupakan permintaan
untuk mendapatkan kehidupan abadi.
Adakah anda bersedia untuk menghadapi penyakit dan kematian?
Para wali akan takut penyakit dan kematian.
Anda ingat bahawa kematian boleh dicegah
dengan memasuki SANMARGAM (Persatuan Roh Suci manusia).
Jika anda datang kepada saya, anda boleh mendapatkan kehidupan abadi dan
kebahagiaan ilahi dalam kelahiran ini.

26.

Oh manusia di dunia ini!
Saya menunjukkan jalan yang maya untuk anda dengan kata-kata yang benar.
Saya ada hubungan dengan, tetapi bukanlah musuh anda.
Tidakkah engkau melihat bahawa orang intelektual dan
buta huruf menghadapi kematian tanpa perbezaan?
Adakah anda suka kematian yang menyebabkan keadaan tak aktif kesemua lima
Pancaindera iaitu penglihatan, bau, pendengaran, rasa dan
sentuhan yang membolehkan anda merasa dunia ini
Hati saya tidak akan bertolak ansur dengan kematian seperti itu
Saya tidak tahu sama ada hati anda adalah hati batu.
Jika anda menyertai saya dalam SANMARGAM (Persatuan Roh Suci manusia),
anda boleh mendapatkan kehidupan abadi.

27.

SANMARGA Sangam (Forum untuk Persatuan Roh Suci manusia) adalah satu-satunya jalan maya wali –wali utama
Pedoman wali ini membolehkan kita memasuki jalan yang sempit untuk sampai di tempat yang suci di mana Tuhan Tertinggi duduk dalam bentuk Roh Suci.
Bahawa bentuk yang sebenar daripada Maha Esa, yang duduk di dalam dahi tidak dapat dilihat oleh orang-orang hina.
Oh manusia di dunia ini!
Anda menyingkirkan jalan palsu dan berserah kepada cahaya anggun yang besar.

28.

Tuhan Yang kekal Agung duduk sebagai pendidik maya
Dalam fikiran orang-orang yang telah menjauhkan aktiviti yang berdosa di dunia ini.
Beliau adalah tunggal dan bertempat dalam dahi kita.
Ia adalah sangat jarang untuk melihat bentuk Roh Suci oleh sesiapa pun.
Beliau telah mengurniakan saya kuasa Tertinggi penciptaan, dan lain-lain
Jika anda ingin mendapatkan kebahagiaan ilahi,
anda boleh mendekatinya sebagai saudara dan memujinya dengan hati yang lembut

Dipetik daripada Buku "Footsteps of Saint Ramalingam". Kamalakkannan B. (ed. Vanathi Pathippakam, 2014), dengan izin pengarang. Laman web beliau adalah: <http://www.ramalingaperumanar.com/>

=====Tamat